

Praktis 11: Imbuhan meN, meN...i, dan meN...kan

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan tatabahasa. Garisi kesalahan tersebut dan tulis jawapannya pada ruangan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Abang dan sepupunya sedang mencat tembok yang memagari halaman rumah nenek.

- (ii) Ibu menasihati Salbiah agar mengeneipkan perasaan marah terhadap adiknya itu.

- (iii) Semua pelajar akan menyanyi lagu Negaraku di perhimpunan sekolah pada setiap hari Isnin.

- (iv) Setiap individu haruslah memikul langgunjawab terhadap alam sekitar dengan cara melindungi dan memelihara flora dan fauna.

- (v) Tina menghadiahkan ibu seutas jam tangan yang mahal harganya.

- (vi) Dia sengaja menyakiti hati saya dengan kata-katanya yang kesat itu.

Praktis 12: Imbuhan di-, di...i, dan di...kan

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan tatabahasa. Garisi kesalahan tersebut dan tulis jawapannya pada ruangan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Laungan azan dari Surau Al-Hijrah dapat didengari di rumah nenek.

- (ii) Kempen penjagaan alam sekitar telah dilancar oleh pengetua sekolah pada minggu lepas.

- (iii) Pinggan kaca itu disusunkan oleh ibu di dalam kabinet.

- (iv) Maklumat mengenai tempat kejadian itu diperolehi daripada seorang penduduk kampung yang kebetulan berada di situ.

- (v) Kucing itu dinamai Tompok kerana badannya mempunyai tompok-tompok berwarna hitam dan putih.

- (vi) Para pelajar dikehendakkan menyiapkan tugas tersebut sebelum waktu persekolahan tamat.
